



Headline	Peluang lulusan KPM lanjut pengajian ke luar negara		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	L-35	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	315 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,226
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,677



Peluang lulusan KPM lanjut pengajian ke luar negara

MELAKA 22 Mac - Para graduan cemerlang peringkat diploma Kolej Profesional Mara (KPM) berpeluang untuk melanjutkan pengajian ke universiti antarabangsa di luar negara melalui Program Kecemerlangan yang diperkenalkan Majlis Amanah Rakyat (Mara).

Ketua Pengarah Mara, Datuk Ibrahim Ahmad berkata, pelajar yang dipilih untuk mengikuti program ini perlu memperoleh keputusan cemerlang sekurang-kurangnya Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.75 ke atas.

Menurutnya, sebanyak 65 graduan cemerlang KPM dari seluruh negara telah dihantar bagi melanjutkan pengajian ke United Kingdom (UK), New Zealand, Australia dan Jepun sepanjang tahun lalu melalui program tersebut.

"Tahun ini pula, kita menyasarkan untuk menaja sebanyak 100 pelajar cemerlang KPM untuk mengikuti pelbagai bidang pengajian pilihan mereka di luar negara," katanya ketika berucap dalam majlis pe-

rasmian KPM Ayer Molek di sini semalam.

Majlis perasmianya disempurnakan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam.

Yang hadir sama Pengarah Kanan Bahagian Pendidikan Tinggi Mara, Abdul Rahim Hashim; Pengarah Mara negeri, Aziz Hasan dan Pengarah KPM Ayer Molek, Dr. Muhammad Amin Zakaria.

Menurut Ibrahim, pelajar perlu diberi peluang serta didedahkan dengan persekitaran global bagi menjadikan mereka lebih berdaya saing dan matang dalam menghadapi cabaran pendidikan yang semakin mencabar.

Selain itu, jelasnya, Mara kini menjalankan usaha pembangunan ilmu secara bersepadu dengan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan dan luar negara terutamanya dalam aspek pembangunan ilmu dan peningkatan kualiti.

Menurut beliau, Mara juga sedang mempergiatkan usaha bagi meningkatkan kemashukupan pelajar dari luar negara untuk mengikuti program pengajian di Institusi

Pendidikan Mara (IPMa) seperti Universiti Kuala Lumpur, German-Malaysia Institute, Kolej Poly-Tech Mara, Kolej Kemahiran Tinggi Mara dan Kolej Mara.

"Inisiatif ini sejajar dengan matlamat bagi menzahirkan ekosistem pengajian tinggi Mara sebagai hab pembelajaran bertaraf dunia di peringkat serantau dan antarabangsa," katanya.

Sementara itu, **Muhammad Amin** berkata, KPM Ayer Molek yang beroperasi sejak Jun 2009 kini mempunyai 870 pelajar dengan disokong kira-kira 50 pensyarah.

"KPM Ayer Molek menawarkan sebanyak dua program meliputi kursus pra-diploma serta diploma dalam bidang Pengajian Perniagaan dan Perakaunan.

"Kami sentiasa bersedia menerima apa sahaja program yang diputuskan oleh Mara pada masa akan datang dengan adanya kemudahan mencukupi merangkumi keperluan pelajar, pensyarah dan kakitangan kolej," katanya.



MOHD. Ali Rustam (lima dari kanan, baris belakang) bersama **Ibrahim Ahmad** (enam dari kanan, baris belakang) bergambar bersama kakitangan dan pelajar selepas majlis perasmian Kolej Profesional Mara Ayer Molek, Melaka, semalam.